



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)

**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam**

**GURU UGAMA TERLATIH (G.2)
JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**GURU UGAMA TERLATIH
JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
G.2 (\$1,050 - \$2,165 EB KHAS \$2,225 - \$2,465 SEBULAN)
KEKOSONGAN = LIMA PULUH TUJUH (57)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) *BDTVEC / BTEC* Diploma Kebangsaan Peringkat Biasa (*ND*) / Diploma Pendidikan atau sebanding dalam bidang Pengajian Islam atau bidang bersesuaian.
b) 4 Kepujian / Kredit Mata Pelajaran Sijil Am Pelajaran *Brunei-Cambridge* Peringkat Biasa atau Lulus Peperiksaan Sijil Am Pelajaran Ugama Brunei (*SPUB*) atau kelulusan yang sebanding.
c) Lulus Sijil Pelajaran Ugama Darjah Enam (*VI*) (*SSSRU*).
2. Mempunyai Diploma Pendidikan / Sijil Pendidikan / Sijil Perguruan.

Bagi pemohon yang bukan mengikuti Program Pendidikan atau belum mempunyai Sijil Latihan Perguruan / Diploma Pendidikan sekiranya dilantik ke jawatan ini adalah dikehendaki untuk mengikuti latihan perguruan bagi mendapatkan Sijil Pendidikan Lepas Ijazah / Diploma Pendidikan / Sijil Latihan Perguruan dalam tempoh percubaan 3 tahun mulai tarikh dilantik ke jawatan ini.

3. Fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Arab, Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
4. Berkebolehan dan berkemahiran dalam kepimpinan, pengurusan dan pengetahuan hal ehwal pentadbiran, peperiksaan, penilaian dan perkembangan kurikulum dan bidang-bidang yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran adalah kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Sebagai Tenaga Pengajar di mana-mana persekolahan Arab, Ugama, *Islamic Religion Knowledge (IRK)* dan lanjutan atau tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Ketua Jabatan atau Pengetua / Guru Besar;
2. Hendaklah bersedia membuat satu-satu perubahan terutama dari segi pengajaran dan pembelajaran;



3. Merancang dan memastikan pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan baik dan efisien;
4. Menyediakan laporan-laporan dan data-data pemarkahan pelajaran dengan baik dan tersusun;
5. Melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti keagamaan yang dianjurkan oleh Sekolah, Jabatan dan Kementerian;
6. Menentukan perkembangan bakat pelajar khususnya dalam bidang kurikulum dan kokurikulum; dan
7. Tugas-tugas lain dan tanggungjawab yang diarahkan dari semasa ke semasa.